

Yayasan Bank Rakyat sumbang RM100,000 kepada pelajar B40 UUM, UniMAP

Oleh [Saadiah Ismail](#) - Januari 3, 2024 @ 6:36pm
saadiah_ismail@bh.com.my



YBR meneruskan BAP dalam usaha membantu pelajar yang kurang berkemampuan dengan menyalurkan RM100,000 kepada pelajar B40 di UUM, UniMAP sebagai inisiatif pertama pada tahun 2024.

KUALA LUMPUR: Yayasan Bank Rakyat (YBR) meneruskan Bantuan Awal Pengajian (BAP) dalam usaha membantu pelajar yang kurang berkemampuan dengan menyalurkan RM100,000 kepada pelajar B40 di Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai inisiatif pertama pada tahun 2024.

Pengurus Besar YBR, Syaiful Rizal Abdul Ghani, berkata tindakan itu menunjukkan YBR sentiasa prihatin serta menyokong dalam memberikan bantuan kepada golongan memerlukan untuk mendapat kualiti pendidikan yang sama rata.

Beliau berkata, pihaknya akan kekal meneruskan komitmen bagi membangunkan komuniti berpendidikan selaras dengan mandat dan hala tuju YBR untuk menjadikan kehidupan masyarakat bertambah maju, berkualiti serta berdaya saing.

"Semoga pemberian insentif ini dapat memberi semangat kepada pelajar untuk meneruskan sesi pengajian dan meningkatkan motivasi mereka untuk kekal cemerlang.

"Diharapkan melalui bantuan ini, pelajar dapat menggunakan bantuan bagi pembelian kelengkapan alatan pembelajaran yang masih belum mencukupi.

"Dalam sesi yang berlainan juga, bantuan ini turut dijalankan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) membabitkan 100 orang pelajar," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Sebanyak RM1,000 diberikan kepada 100 pelajar semester satu hingga tiga di peringkat Diploma serta Ijazah Sarjana Muda dalam kalangan keluarga B40 dan pemilihan mereka dikenal pasti oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM dan UniMAP.

Gimik penyerahan itu disampaikan oleh Syaiful Rizal pada Majlis Penyerahan Bantuan Awal Pengajian di UUM.

Yang turut hadir, Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohd Foad Sakdan, Ketua Bahagian Operasi, Mohd Mukhti Abd Rahman, Ketua Bahagian Pentadbiran Korporat YBR, Khairul Na'im Arifin dan Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat, Mohamad Ghazali Zainal Abidin.